

Garis panduan perlu ada persefahaman Pusat, negeri

➔ Kerajaan perlu atasi kekangan bendung aktiviti pembalakan tak terkawal

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim

mohd_iskandar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Garis panduan yang akan dikeluarkan kerajaan bagi menangani aktiviti pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkawal hanya sia-sia jika tiada persefahaman antara Kerajaan Pusat dan negeri.

Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya

Dr Haliza Abdul Rahman, berkata ia kerana perkara membabitkan tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti termaktub dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, hasrat kerajaan mengeluarkan garis panduan adalah perkara baik, namun terdapat kekangan perlu diatasi terlebih dulu.

Tambah pegawai perhutanan

“Kerajaan seharusnya menambah bilangan pegawai perhutanan yang berada di lapangan kerana mereka adalah responden pertama jika berlaku sebarang aktiviti mencurigakan.

“Pegawai perhutanan juga perlu dilengkapi ilmu undang-undang mencukupi kerana ada segelintir mereka kurang arif berhubung perkara itu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

BH semalam melaporkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan mengeluarkan garis panduan pada masa terdekat bagi menangani aktiviti

pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkawal.

Menterinya, Dr Xavier Jayakumar, berkata pihaknya juga mencadangkan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi membolehkan garis panduan itu dimasukkan ke dalam akta.

Haliza berkata, cadangan kerajaan meminda Akta Perhutanan Negara 1984 juga hanya menimbulkan konflik antara Pusat dan negeri disebabkan Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

Laksana pertanian hutan

Sementara itu, Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, mencadangkan kerajaan melaksanakan aktiviti ‘pertanian hutan’ bagi membendung pembalakan tidak terkawal.

“Garis panduan dicadangkan mungkin kurang berkesan jika tidak mendapat sambutan daripada kerajaan negeri. Pengurusan semasa, terutama membabitkan pemantauan dan tindakan pembalakan haram perlu dibaiki segera.

“Sudah tiba masa kerajaan memperkenalkan konsep pertanian hutan bagi memastikan pengeluaran lebih berkesan, penghasilan produk hutan yang lebih bersistem dan kawalan pencemaran alam lebih baik,” katanya.



Garis panduan dicadangkan mungkin kurang berkesan jika tidak mendapat sambutan daripada kerajaan negeri. Pengurusan semasa, terutama membabitkan pemantauan dan tindakan pembalakan haram perlu dibaiki segera”

Ibrahim Komoo,
Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM



Keratan akhbar BH semalam.